

SPESIFIKASI TUGAS TUTOR

A. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB TUTOR

1. Mengadakan perbincangan dengan pensyarah kursus berkaitan bagi kaedah pengendalian tutorial, panduan tugas dan penggunaan modul serta bahan rujukan.
2. Mengendalikan tutorial mengikut keperluan pensyarah kursus seperti pembentangan yang perlu dinilai oleh tutor dan markah penilaian tersebut akan diberikan kepada pensyarah tersebut.
3. Mengadakan tutorial di pusat pembelajaran mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh pusat pembelajaran. Sebarang perubahan jadual perlu mendapat persetujuan bersama daripada pusat pembelajaran, tutor dan pelajar.
4. Merancang sesi tutorial mengikut topik-topik seperti di dalam kandungan kursus terlibat berdasarkan jumlah jam tutorial yang dibenarkan.
5. Membantu pelajar dalam perkara-perkara berikut :
 - i. Memahami modul pembelajaran
 - ii. Memberikan panduan berkaitan tugas dan rujukan lain bagi kursus yang terlibat
 - iii. Membuat penilaian dan memastikan markah dihantar kepada pensyarah mengikut masa yang telah ditetapkan (jika ada).
 - iv. Membuat persediaan menghadapi peperiksaan
 - v. Memastikan pelajar merujuk rakaman pembelajaran perjumpaan bersemuka sebagai bahan sokongan bagi kursus yang terlibat (jika ada)
6. Tutor tidak dibenarkan menggantikan tutor lain bagi apa-apa sebab sekalipun tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada pihak UPMET.
7. Tugas-tugas lain berkaitan tutorial sekiranya diperlukan oleh UPMET dari semasa ke semasa.

B. SYARAT PENGENDALIAN TUTORIAL

1. Maksimum **12 jam (2 jam x 6 perjumpaan)** untuk satu kursus per semester bagi tutorial yang mempunyai **10 atau lebih (≥ 10)** orang pelajar. Tutorial tambahan sebanyak **4 jam (2 jam x 2 perjumpaan)** boleh dipertimbangkan bagi **kursus kritikal sahaja** tertakluk kepada kelulusan UPMET.
2. Maksimum **9 jam** satu kursus per semester bagi tutorial yang mempunyai **5 atau lebih dan kurang 10 ($5 \leq X < 10$)** orang pelajar. Tutorial tambahan sebanyak **3 jam** dibenarkan bagi **kursus kritikal sahaja** tertakluk kepada kelulusan UPMET.
3. Maksimum **6 jam** satu **kursus kritikal sahaja** per semester bagi tutorial yang mempunyai **kurang 5 (< 5)** orang pelajar di mana **3 jam sebelum peperiksaan pertengahan** dan **3 jam sebelum peperiksaan akhir**. Tutorial tambahan **TIDAK DIBENARKAN**.
4. Maksimum **5 jam** satu **kursus bukan kritikal** per semester bagi tutorial yang mempunyai **kurang 5 (< 5)** orang pelajar di mana **2 jam sebelum peperiksaan pertengahan** dan **3 jam sebelum peperiksaan akhir**. Ini adalah melalui permohonan dan tertakluk kepada kelulusan UPMET. Tutorial tambahan **TIDAK DIBENARKAN**.



UPMHOLDINGS

UPM Education & Training Sdn Bhd

5. Senarai kursus-kursus kritikal :

- i. Bahasa Asing (selain Bahasa Inggeris), Sistem Tulisan Jawi.
 - ii. Kursus yang melibatkan pengiraan seperti Matematik, Perakaunan, Ekonomi, Statistik dan sebagainya
 - iii. Kursus yang melibatkan pembentangan seperti Pengucapan Awam, pembentangan projek dan sebagainya
 - iv. Kursus yang berkaitan penyelidikan
 - v. Kursus-kursus lain yang dicadangkan oleh pensyarah UPM mengikut keperluan
6. Bagi **tutorial tambahan (kursus kritikal sahaja)**, tutor perlu membuat **permohonan bertulis** melalui pusat pembelajaran dan dihantar kepada UPMET selewat-lewatnya **dua (2) minggu sebelum tarikh tutorial tambahan dilaksanakan**. Permohonan hanya boleh dibuat sekali sahaja bagi setiap kursus per semester.

C. PANDUAN/SYARAT TUNTUTAN TUTOR

1. Borang tuntutan yang telah dilengkapkan (rujuk set lantikan tutor) perlu dihantar ke UPMET selewat-lewatnya **dua (2) minggu selepas peperiksaan akhir semester semasa**. Kegagalan memenuhi keperluan proses tuntutan boleh melambatkan proses pembayaran.
2. Sekiranya tuntutan tidak mengikut syarat yang telah ditetapkan, pihak **UPMET berhak** untuk **tidak membuat bayaran** tanpa memaklumkan kepada tutor yang terlibat.
3. **Bayaran** yang ditawarkan adalah mengikut **kelayakan akademik** yang **berkaitan dengan kursus** yang diajar:

KELAYAKAN	ELAUN (RM)
Degree (Bacelor)	75
Master	85
PhD.	100